

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94**

Oktober - November 1993

AOP 403- PEMBANGUNAN USAHAWAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan pilih **TIGA** soalan yang lain.

Soalan 1 (Wajib)

Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan "pasaran, wang, dan motivasi adalah intipati utama bagi kejayaan sesuatu perniagaan?" Huraikan.

[25 markah]

Jawab hanya **TIGA** dari soalan-soalan berikut:

Soalan 2

Senaraikan elemen-elemen yang terdapat dalam sesuatu rancangan perniagaan. Terangkan dengan terperinci elemen-elemen ini dan kenapa ianya digunakan.

[25 markah]

...2/-

Soalan 3

"Baju lelaki atau perempuan boleh menjadi barang mudah beli kepada satu golongan isi rumah, barang beli belah kepada satu golongan isirumah yang lain dan kadang kala menjadi barang istimewa kepada isi rumah yang lain pula. Kenapa ini boleh terjadi?. Terangkan.

[25 markah]

Soalan 4

Pada pendapat anda, apakah cara yang paling baik untuk merangsang (motivate) pekerja anda supaya mereka bekerja dengan lebih rajin lagi? Bincangkan.

[25 markah]

Soalan 5

Arah aliran pasaran banyak dipengaruhi oleh persekitaran luaran yang seringkali membawa perubahan kepada sesebuah perniagaan.

Dengan menggunakan gambarajah berserta contoh firma yang anda telah tubuhkan dalam projek Rancangan Perniagaan semester ini, huraiaskan bagaimana persekitaran luaran tersebut boleh mempengaruhi perniagaan anda.

[25 markah]

Soalan 6

Adakah anda bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa pengurus yang baik boleh dilahirkan melalui proses-proses latihan? Kenapa? Bincangkan.

[25 markah]

---ooo000ooo---